

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATO' HAJI ZAINUDIN BIN ISMAIL
(JELEBU)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. DATO' HAJI ZAINUDIN BIN ISMAIL [JELEBU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah kedudukan pasaran sukuk di Malaysia dan nyatakan jumlah nilai pasaran bagi sukuk Malaysia serta kedudukan sukuk Malaysia di peringkat global pada masa ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Pasaran sukuk domestik telah berkembang dengan pesat dan Malaysia

terus mengekalkan kedudukannya sebagai penerbit sukuk terbesar di dunia. Malaysia berada di tangga teratas dari segi jumlah nilai terbitan sukuk sebanyak USD187.2 bilion yang merupakan 54% daripada jumlah terbitan sukuk global sehingga April 2015. Arab Saudi pula berada pada tangga kedua merangkumi 11% daripada jumlah nilai terbitan sukuk global, diikuti dengan Emiriyah Arab Bersatu sebanyak 9%.

2. Malaysia bukan sahaja menerajui pembangunan pasaran sukuk dari segi jumlah terbitan sukuk, malah dari segi pengenalan struktur inovatif dan kompetitif yang menarik minat lebih ramai pelabur. Perkembangan terbaharu menunjukkan Malaysia bertindak secara proaktif dalam pasaran apabila menerbitkan sukuk global sebanyak USD1 bilion dengan tempoh matang 10 tahun dan USD500 juta dengan tempoh matang 30 tahun. Terbitan sukuk bertempoh matang 30 tahun ini merupakan terbitan sukuk yang mempunyai tempoh matang yang terpanjang dalam sejarah. Sukuk tersebut juga diterbitkan dengan menggunakan struktur berlandaskan komoditi patuh syariah, aset pajakan dan aset bukan fizikal yang menjana pendapatan. Sukuk bertempoh matang 10 tahun telah terlebih langganan hampir 7 kali dan sukuk bertempoh matang 30 tahun pula terlebih langganan hampir 6 kali. Hal ini membuktikan keyakinan pelabur global

terhadap pasaran modal Malaysia.